



NOTIS PERUBAHAN WAKTU MELAWAT HOSPITAL MIRI

Susulan peningkatan kes COVID-19, Hospital Miri mengambil langkah-langkah di bawah berikutan arahan terkini Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi mengurangkan risiko jangkitan dalam kalangan pesakit, pelawat dan kakitangan hospital:-

1. Mengurangkan bilangan pelawat hadir ke wad. Hanya pelawat yang memegang pas pelawat sahaja dibenarkan memasuki wad semasa waktu melawat rasmi;
2. Kanak-kanak berumur 12 tahun dan ke bawah tidak dibenarkan melawat pesakit di wad;
3. Memendekkan masa melawat setiap hari:
 - 1.00 petang hingga 2.00 petang
 - 5.00 petang hingga 6.30 petang
4. Pelawat yang mempunyai gejala influenza seperti sakit tekak, batuk, selesema, demam, muntah dan cirit-birit tidak dibenarkan berada di wad; dan
5. Pelawat yang berisiko tinggi mendapat jangkitan seperti yang menghidap penyakit kronik dan individu dengan imuniti rendah (contoh pesakit dalam rawatan barah) tidak dibenarkan melawat pesakit di hospital kecuali atas sebab kecemasan yang tidak dapat dielakkan.
6. Laluan masuk ke hospital diperketatkan kepada dua laluan sahaja iaitu di lobi utama dan laluan tengah (stesen bas). Pelawat perlu menjalani saringan kesihatan di laluan tersebut.

Peraturan ini berkuatkuasa serta-merta demi menjaga kesihatan awam dan sebarang perubahan akan dimaklumkan kelak. Sila beri kerjasama bagi mengelakkan sebarang kesulitan dan patuhi arahan pengawal keselamatan.


 PENGURUSAN HOSPITAL MIRI
 15 MAC 2020